

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

**Komunikasi Korporat Kumpulan**  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

## BANK ISLAM DAN KIPLEPAY LANCAR PROGRAM KIPLEUNI UNTUK WARGA UNIVERSITI

*Memperkasa pengalaman pengguna peka digital dan mendorong transaksi tanpa tunai*

**KUALA LUMPUR, Isnin, [17 Februari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") dan sebuah syarikat teknologi kwangan, KiplePay Sdn Bhd ("KiplePay"), anak syarikat milik penuh Green Packet Berhad, hari ini melancarkan KipleUNI, satu program kerjasama penting direka khas untuk memacu teknologi kewangan menerusi digital dan transaksi tunai. Ia bertujuan bagi memenuhi keperluan pelajar, universiti dan rakan-rakan saudagar (*merchant partners*) melalui transaksi pembayaran elektronik serta platform digital yang lebih lancar.

Pelancaran program KipleUNI disempurnakan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam bersama Encik Tan Kay Yen, Ketua Pegawai Eksekutif KiplePay di Le Meridien Kuala Lumpur. Turut hadir ialah Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional ("PTPTN"), Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Kolaborasi Bank Islam dan KiplePay akan memacu integrasi tanpa tunai dalam aplikasi KiplePay dan perkhidmatan pembayaran Bank Islam melalui program KipleUNI. Para pelajar kini boleh menghubungkan kad kredit atau debit mereka bagi pembayaran terus tanpa tunai dalam kawasan universiti serta saudagar-saudagar terpilih di luar kampus. Semua transaksi e-kad melalui aplikasi KiplePay akan dipermudahkan melalui portal gerbang perkhidmatan pembayaran Bank Islam yang dipertingkat. Ini hanyalah permulaan kepada pelbagai lagi inisiatif bersama yang akan muncul daripada program KipleUNI pada masa akan datang.

Encik Mohd Muazzam berkata, "Bank Islam sentiasa berinovasi untuk memberikan nilai tambah kepada pelanggannya di segenap segmen. Dalam hala tuju perbankan digital Bank Islam, kami memanfaatkan kepakaran KiplePay untuk menyediakan platform yang meningkatkan pengalaman pelanggan, di samping menyokong usaha kerajaan dalam mengembangkan agenda ekonomi digital. Program KipleUNI bakal menjadi alat pemangkin dalam memacu masyarakat tanpa tunai, khususnya di kalangan universiti dan para pelajar. Sehubungan itu, perkhidmatannya tidak terhad hanya untuk melakukan transaksi runcit untuk pelajar dan saudagar. Pelajar mempunyai kemudahan untuk membuat pesanan makanan tanpa perlu beratur atau menempah kemudahan di sekitar kampus dengan senang melalui aplikasi KipleUNI. Mereka juga dapat menikmati pelbagai ganjaran yang menarik dan tawaran istimewa yang disediakan. Saudagar-saudagar Bank Islam juga akan mendapat manfaat daripada usaha sama ini kerana aplikasi ini menggalakkan pertumbuhan perniagaan di kedua-dua platform dalam dan luar talian."

"Pada masa ini, perkhidmatan KipleUNI boleh digunakan di Universiti Utara Malaysia (UUM), ia dijangka akan tersedia kepada tiga hingga lima universiti lain dalam tempoh beberapa bulan lagi. Tidak terhad kepada universiti-universiti ini sahaja, semua rakan-rakan saudagar Bank Islam yang beroperasi di mana-mana universiti awam pada masa ini boleh menikmati perkhidmatan KipleUNI setelah langganan dibuat," tambah beliau.

Mempunyai sentimen yang sama, Encik Tan Kay Yen berkata, "Sebagai rakan kewangan digital yang dipercayai ramai, kami memandang usaha ini sebagai tanggungjawab dan komitmen untuk mempertingkat nilai solusi kami terhadap pelajar, pentadbir dan saudagar di hab pelajaran, kampus-kampus dan bandar universiti. Inovasi solusi kami berkembang daripada pembelajaran berterusan, ujian-ujian setempat sehingga memahami keperluan spesifik komuniti. Melalui langkah-langkah ini, kami mewujudkan program KipleUNI yang merupakan sebuah ekosistem mampan dan holistik yang mempromosikan gaya hidup digital kepada pengguna.

Terdapat 680,00 pelajar di institusi pengajian tinggi awam serta lebih 200,00 fakulti dan kakitangan di Malaysia. Melalui program ini, Bank Islam dan KiplePay memandang secara progresif usaha untuk menyediakan program KipleUNI ini kepada 50% warga kampus dengan mengambil kira daya maju aplikasi ini. Ia juga dijangka boleh digunakan oleh bilangan pengguna yang lebih meluas apabila ciri-cirinya ditambah kelak.

KiplePay adalah penyedia perkhidmatan e-dompet diluluskan Bank Negara Malaysia. Ia menyediakan perkhidmatan gerbang pembayaran tanpa tunai untuk perniagaan dan e-dompet pengguna. Melalui kerjasama ini, KiplePay dan Bank Islam berhasrat untuk memperkasakan komuniti tanpa tunai terutamanya dalam sektor pendidikan dan menyokong pertumbuhan pesat dalam segmen pembayaran bagi industri e-dagang.

Untuk makluman lanjut, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) serta/atau [www.kiple.com](http://www.kiple.com)

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Mengenai KiplePay**

KiplePay Sdn Bhd ("KiplePay") adalah anak syarikat milik penuh Green Packet Berhad yang dipacu oleh timbulnya keperluan untuk memecut perjalanan transformasi ke arah e-bayaran untuk perniagaan-perniagaan di Malaysia. KiplePay sentiasa bergerak ke hadapan dengan pandangan cara baharu bagi meningkatkan mutu kehidupan dengan memaju, mereka dan menawarkan ciri-ciri yang tertumpu kepada pengguna ke arah perbelanjaan bijak melalui kiplePay dan kipleBiz, masing-masing berfungsi sebagai e-dompet serta gerbang pembayaran.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Fax: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144
---	--

Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .	Fax: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimboldings.com">omar@bimboldings.com</a> Web: <a href="http://www.bimboldings.com">www.bimboldings.com</a>
Shirley Teo Pengurus, Komunikasi Korporat Green Packet Berhad B-23A-3, The Ascent Paradigm, No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya. Tel: 03 – 2714 6288 Tel. bimbit: 016 – 204 2392 Fax: 03 – 2714 6289 Emel: <a href="mailto:shirley.teo@greenpacket.com">shirley.teo@greenpacket.com</a> Web: <a href="http://www.greenpacket.com">www.greenpacket.com</a> <a href="http://www.kiple.com">www.kiple.com</a>	